

16 MAR 2004

Pilihan raya-Mahathir

PAS TABUR JANJI KOSONG YANG TIDAK DAPAT DIPENUHI, KATA DR MAHATHIR

SIBU, 16 Mac (Bernama) -- PAS hanya pandai menabur janji yang tidak boleh dipenuhi setiap kali musim pilihan raya, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, "kalau semua cukai dihapuskan, macam mana kerajaan nak dapatkan wang perbelanjaan, mereka membuat semua janji kosong kerana mereka tahu mereka tidak akan dapat menubuhkan kerajaan".

"Itu biasa, PAS selalu bohong, termasuk DAP, sama juga. Janji yang dia tak boleh tunaikan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Bersama Rakyat di Dewan Suarah, di sini.

Turut serta ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Datuk Seri Wong Soon Koh dan Penasihat Sains kepada Kerajaan Negeri Tan Sri Wong Soon Kai.

Majlis turut dihadiri calon Barisan Nasional (BN) bagi Bandar Sibul, Datuk Robert Lau Hui Choi, calon BN bagi Lanang, Tiang Thai King serta lebih kurang dua ribu anggota masyarakat dan anggota parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada manifesto pakatan pembangkang yang berjanji untuk meubuhkan kerajaan Islam yang telus dan juga pelbagai keistimewaan bagi rakyat jika mereka berjaya membentuk kerajaan.

Manifesto itu yang dilancarkan semalam di Shah Alam antara lain berjanji untuk mengurangkan harga jualan kenderaan sebanyak 10 peratus bermula 2005, memansuhkan kutipan tol secara berperingkat-peringkat bermula tahun depan, mengurangkan tarif telefon sebanyak 20 peratus dan juga kadar air sebanyak 20 peratus bermula 2005.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata parti-parti pembangkang cuba meniru BN dengan membentuk satu perikatan sepertinya.

Beliau juga berkata DAP tidak seharusnya bertanding dalam

pilihan raya
kali ini di Sarawak kerana kerajaan negeri telahpun memenuhi segala
tanggungjawabnya.

Dr Mahathir juga menasihatkan pengundi untuk keluar beramai-
ramai pada
hari pengundian Ahad ini untuk menghantar mesej jelas melalui
majoriti
lebih besar bagi BN kali ini.

"Ini bagi menunjukkan kepada dunia, bahawa peralihan kuasa yang
lancar,
kepimpinan baru itu telah mendapat sokongan, yang lebih lagi.

"Di Malaysia, perubahan dalam kepimpinan tidak akan menjejaskan
sokongan rakyat kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

AT AT PR